

PROSPEK PENGURUSAN MODAL MAMPU MENINGKATKAN PRESTASI BAITULMAL DI MALAYSIA

Mohd Farihal Osman¹,
Mahamad Tayib²,
Nor Hayati Ahmad³
Muhammad Ahmad⁴

ABSTRAK

Kajian ini mengenai Baitulmal iaitu sebuah perbendaharaan yang menguruskan kewangan Islam negara. Kedudukan Baitulmal sebagai sebuah perbendaharaan Islam seharusnya diletakkan dalam struktur perdana negara. Tetapi peranan Baitulmal dipinggirkan serta diperkecilkan fungsinya dalam unit-unit kecil di Majlis Agama Islam Negeri. Selain itu, kewujudan beberapa institusi menyerupai Baitulmal telah menafikan hak untuk menerima dana. Oleh itu, fokus kajian ini untuk mengenalpasti profil pihak berkuasa Agama Islam yang menguruskan Baitulmal di Malaysia. Kajian berbentuk empirikal ke atas prestasi Baitulmal jarang sekali dilaksanakan di Malaysia atau di luar negara. Data telah dikumpulkan melalui soal selidik. Seramai 318 orang responden yang terdiri daripada lima buah Baitulmal di lima buah negeri terlibat dalam kajian ini. Analisa menggunakan perisian SPSS versi 19.0 iaitu dengan menumpukan perhatian kepada beberapa ciri yang terdapat dalam fenomena kajian dengan menerangkan secara deskriptif. Hasil penemuan menunjukkan menunjukkan golongan muda menguasai pengurusan Baitulmal. Golongan ini boleh dibimbing mengikut acuan sebenar Baitulmal dan mereka memiliki kelayakan akademik. Ini menunjukkan prestasi Baitulmal boleh dipertingkatkan dengan latihan dan kemahiran modal insan iaitu pekerja dalaman Baitulmal sendiri atau Majlis Agama Islam Negeri amnya. Penemuan juga mendapati terdapat pertambahan dan peningkatan pendapatan Baitulmal di negeri-negeri dari tahun ke tahun. Apabila digabung pendapatan Baitulmal dari negeri-negeri seluruh Malaysia membolehkan pengurusan modal (dana) tersebut digemblengkan demi manfaat masyarakat terutama sekali golongan miskin tegar (asnaf). Secara keseluruhannya, penemuan kajian ini menyarankan supaya ditubuhkan sebuah Baitulmal pusat yang di kenali Baitulmal negara yang berfungsi menyelaraskan pengurusan Baitulmal negeri-negeri di Malaysia.

Kata Kunci: Baitulmal, Pengurusan, Pebendaharaan Islam, Ekonomi dan Kewangan Islam

¹ Pembentang adalah Pensyarah Kanan, Pusat pengajian perniagaan Islam, Kolej Perniagaan, UUM

² Professor, Pensyarah Pusat pengajian Perakaunan, Kolej Perniagaan, UUM

³ Professor, Pensyarah Pusat pengajian kewangan dan perbankan, Kolej Perniagaan, UUM

⁴Pensyarah kanan, Pusat pengajian perniagaan Islam, Kolej Perniagaan, UUM

1. PENDAHULUAN

Institusi Baitulmal seharusnya dikembalikan semula fungsinya seperti kedudukan asalnya dalam sesebuah negara Islam. Menurut Mahamad (2009) Baitulmal merupakan perbendaharaan negara yang memainkan peranan penting dalam membangunkan di pelbagai bidang termasuk sosio-ekonomi masyarakat Islam. Institusi kewangan ini juga disebutkan di dalam al-Quran seperti kisah yang terjadi di zaman Nabi Yusuf a.s. Ia dijelaskan dalam al-Quran:

عَلِيمٌ حَفِيظٌ إِنِّي الْأَرْضِ حَزَائِنٍ عَلَىٰ أَجْعَلْنِي قَالِ

"Yusuf berkata: "Jadikanlah aku pengurus perbendaharaan hasil bumi (Mesir); Sesungguhnya aku sedia menjaganya dengan sebaik-baiknya, lagi mengetahui cara mentadbirkannya"

Ayat al-Quran di atas, menjelaskan bahawa Nabi Yusuf a.s telah mewujudkan perbendaharaan (Baitulmal) dan mengurus tadbir perbendaharaan tersebut. Tindakan Nabi Yusuf a.s adalah bertujuan memelihara dan melindungi rakyat daripada terdedah kepada bahaya krisis sosio-ekonomi seperti kelaparan, kemiskinan dan kemarau panjang. Kisah ini, masih lagi relevan dan boleh dijadikan panduan kepada kehidupan masyarakat Islam pada hari ini. Institusi kewangan Islam kian bertambah dan berkembang dengan begitu cepat dalam sistem ekonomi negara. Perkembangan ini sebenarnya meninggalkan impak yang besar kepada masyarakat khususnya negara amnya. Dari mata kasar, masyarakat merasakan kesedaran ini telah mendekatkan urusan harian dengan tuntutan yang sebenarnya iaitu bebas daripada eksploitasi kapitalis di mana elemen faedah dan riba yang berkaitan dengannya telah digantikan dengan pelaksanaan sistem kewangan Islam.

Sebaliknya, jika dilihat dari pertumbuhan pesat ini ia lebih tertumpu kepada aspek-aspek yang berkaitan dengan perniagaan, keuntungan dan peluang-peluang baru perniagaan dalam sistem kewangan Islam. Manakala pengurusan kewangan Islam yang berkaitan dengan wakaf, zakat dan lain-lain yang berkaitan dengannya adalah dianggap lebih tertumpu kepada keagamaan dan mungkin sukar untuk diperniagakan dalam ertikata sebenarnya. Maka perbendaharaan Islam atau Baitulmal diserahkan kepada Majlis Agama Islam Negeri sahaja dan dibantu oleh beberapa agensi kerajaan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Oleh kerana dikawal selia oleh negeri-negeri masing-masing, maka Siti Mashitoh (2007) mendapati bahawa terdapat ketidakselarasan struktur organisasi pengurusan Baitulmal di negeri-negeri Malaysia. Juraish (2009) pula menambah kepelbagaian peranan dan perbezaan amalan pengurusan Baitulmal negeri-negeri di Malaysia. Sebagai contoh saling bertukar nama dan fungsi dalam pengurusan Baitulmal. Ketidakselarasan dalam fungsi dan pengurusan Baitulmal di Malaysia menampakkan perbezaan di dalam prestasi Baitulmal di setiap negeri. Contohnya, Baitulmal Wilayah Persekutuan mencatat kemajuan yang cemerlang dari aspek

pembangunan dan mobilisasi dana berbanding dengan Baitulmal negeri Kedah. Kajian-kajian empirikal untuk mencari satu model pengurusan yang mampu meningkatkan prestasi institusi Baitulmal amat sedikit sedangkan kajian-kajian seumpama ini sangat diperlukan untuk menyemarakkan peranan dan sumbangan Baitulmal dalam menambah baik sosio-ekonomi orang-orang Islam yang memerlukan bantuan di Malaysia.

2. SOROTAN LITERATUR

Di samping itu, kemunculan pelbagai nama institusi awam dan swasta kian bertambah dalam masyarakat yang berperanan menyerupai Baitulmal. Institusi tersebut turut terlibat dalam peranan membangunkan sosio-ekonomi masyarakat dalam negara. Walaupun kemunculannya adalah baik, tetapi, Ismail (2009) mendapati Baitulmal seolah-olah bersaing apabila wujudnya institusi-institusi yang bertindak menyerupai peranan Baitulmal seperti Amanah Raya dan Badan Kebajikan yang lain. Jelas, mengikut Hailani (1982) bahawa kedudukan Baitulmal sudah berada dipersimpangan di mana peranannya telah diambil oleh agensi-agensi lain. Akibatnya meninggalkan kekeliruan dalam masyarakat dan kekaburan pengetahuan masyarakat terhadap peranan sebenar Baitulmal (Roslan, 2009). Menurut Juraish (2009) mendapati sebahagian daripada masyarakat lebih mengenali Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Unit Perancang Ekonomi (EPU) daripada mengenali Baitulmal. Kurangnya pendedahan atau penglibatan Baitulmal dalam aktiviti kemasyarakatan juga menyebabkan Baitulmal kurang di kenali. Sedangkan hakikatnya Baitulmal berfungsi sebagai gabungan kepada kesemua agensi yang disebutkan di atas. Kekeliruan tersebut meninggal impak jangka panjang, iaitu sumber dana sepatutnya milik Baitulmal sepatutnya di salurkan kepada Baitulmal tersekat dan di pindahkan ke tempat lain seperti kepada Ngo, Persatuan, Badan Kebajikan (Farihal,2009)

Justeru itu, sumber-sumber Baitulmal tadi tidak dapat diselenggarakan dengan sempurna dan menyebabkan keperluan masyarakat yang memerlukannya tidak dapat dipenuhi dengan berkesan. Kesimpulan mungkin akan dibuat oleh pelbagai pihak bahawa Baitulmal sudah tidak efektif untuk membangunkan ummah dan akan memberi kesan buruk kepada prestasi dan pengurusan Baitulmal. Persoalan yang timbul lagi ialah Baitulmal kurang menyerlah berkeupayaannya dalam meningkatkan prestasi Baitulmal sendiri dalam negara secara menyeluruh. Selain itu, apakah faktor-faktor penyebab ianya kurang berkeupayaan dalam peningkatan keupayaannya perkhidmatanya kepada masyarakat seiring dengan perkembangan dengan institusi-institusi lain. Inilah sebabnya kajian ini di jalankan adalah kerana seperti berikut. Berdasarkan kepada latar belakang pernyataan masalah dan persoalan yang telah dijelaskan. Secara umum objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi peningkatan prestasi Baitulmal di Malaysia. Kertas kerja ini hanya membincangkan secara khusus dan lebih terperinci di objektif kajian adalah untuk mengenalpasti profil pihak berkuasa Agama Islam yang menguruskan Baitulmal di Malaysia

3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini ingin melihat hubungan antara faktor-faktor pengurusan dan prestasi Baitulmal. Di samping itu, kajian ini mengkaji bagaimana kepuasan pekerja dalaman sebagai faktor perantara (*Mediating*) boleh meningkatkan prestasi Baitulmal. Menurut (Malhotra, 1999 dan Sekaran, 2000) kajian boleh dilaksanakan secara penerokaan, deskriptif. Ia bergantung kepada kedudukan ilmu dalam bidang masing-masing. Kajian penerokaan biasanya dijalankan bagi menerokai sesuatu ilmu yang baru yang masih kurang maklumat mengenainya. Manakala kajian secara deskriptif biasanya menumpukan perhatian kepada beberapa ciri yang terdapat dalam sesuatu fenomena. Seterusnya, kajian yang lebih mendalam memerlukan penelitian sesuatu hubungan faktor-faktor pengurusan bagi menjawab soalan penyelidikan. Justeru itu, kajian jenis kuantitatif ini dijalankan dalam bentuk deskriptif. Analisa menggunakan perisian SPSS versi 19.0 dengan menjalankan enam peringkat ujian iaitu ujian kualiti faktor-faktor pengurusan -faktor-faktor pengurusan, ujian deskriptif.

4. PENEMUAN KAJIAN

Hasil pengumpulan data serta penganalisan deskriptif menemui dalam kajian ini bagi menjawab persoalan dan objektif kajian adalah seperti berikut. Persoalan utama dalam kajian ini ialah apakah profil pihak berkuasa Agama Islam yang menguruskan dana umat Islam di Malaysia. Persoalan ini terjawab menerusi analisis deskriptif merujuk dokumen perpustakaan dan soal selidik yang diperolehi. Di samping itu, pemerhatian dilakukan dan temubual ke atas kumpulan fokus diperbincangan meja bulat dan persidangan Mufti-mufti di utara Malaysia pada tahun 2010. Daripada maklumat yang di terima oleh penyelidik, menyarankan supaya penyelidik mendokumentasikan data profile pihak berkuasa Agama Islam Negeri. Dengan data demografi ini membolehkan penyelidik mendapat gambaran awal senario yang timbul dalam pengurusan dari struktur, kedudukan kewangan dan pentadbiran Baitulmal di Malaysia. Seterusnya dapat penyelidik membincangkan serta mengulas maklumat secara deskriptif seperti jantina, umur, taraf pendidikan, pengalaman bekerja dengan Baitulmal, pendapatan, audit dalaman, proses mewujudkan audit dalaman dan luaran. Sementara bahagian kedua daripada objektif pertama menerangkan mengenai Baitulmal di Malaysia, jenis-jenis Baitulmal, urus tadbir Baitulmal, pendapatan dan perbelanjaan Baitulmal di kawasan utara dan tengah Malaysia.

Jadual 1: Latar Belakang Data Responden

No	Perkara	Jumlah	%
1	Jumlah soalselidik di edarkan (x)		400
2	Jumlah soalselidik dikembalikan (y)	239	
3	Jumlah % kadar responden (y/x) x 100%		59.95 %
4	Jumlah soal selidik di analisis	238	
5	Peratusan soalselidik di analisa (.../... x 100%)		59.5 %
6	Jumlah soalselidik yang telah di tolak	1	

Daripada jadual 1 di atas sejumlah 400 soal selidik telah diedarkan kepada kakitangan yang terlibat di dalam hal ehwal Agama Islam negeri di Baitulmal di kawasan Utara dan kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia. Daripada jumlah tersebut, dua ratus tiga puluh sembilan 239 orang responden telah mengembalikan borang soal selidik. Jumlah ini adalah 59.95% daripada kadar responden yang dijadikan sasaran sampel seramai 238 kakitangan pihak berkuasa agama Islam negeri. Walau bagaimanapun, hanya 238 (59.5%) soalselidik dapat digunakan untuk tujuan analisis. Sejumlah satu soal selidik dikeluarkan daripada analisis selanjutnya iaitu satu (1) soalselidik tidak dijawab lengkap. Pada pemerhatian penyelidik, responden ini tidak memberikan tumpuan yang serius di samping tugas harian dan berkemungkinan menjawab secara sambil lewa. Soal selidik telah di edarkan kepada seluruh responden kawasan utara dan tengah Malaysia.

	Frekuensi (n)	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	112	47.1
Perempuan	126	52.9
Umur		
30 tahun ke bawah	99	41.6
31-40 tahun	94	39.5
41-50 tahun	32	13.4
51-60 tahun	10	4.2
61 tahun ke atas	3	1.3
Lokasi		
Kedah	41	17.2
Kuala Lumpur	115	48.3
Pulau Pinang	18	7.6
Perak	40	16.8
Perlis	24	10.1
Pendidikan		
Sekolah rendah	9	3.8
Sekolah menengah	71	29.8
Sijil	24	10.1
Diploma/universiti	134	56.3

Pengalaman		
Kurang daripada 1 tahun	38	16.0
1 tahun hingga 2 tahun	40	16.8
3 tahun hingga 4 tahun	44	18.5
Lebih daripada 5 tahun	116	48.7
Pendapatan		
Kurang daripada RM 500	6	2.5
RM 501-RM1000	17	7.1
RM 1001-RM1500	68	28.6
RM 1501-RM2000	65	27.3
Lebih daripada RM2001	82	34.5

N=238

Seramai 238 orang responden terlibat dalam kajian ini. Jadual 2 menunjukkan taburan responden mengikut latar belakang demografi. Taburan demografi mengikut jantina agak sekata iaitu 47.1 peratus adalah lelaki dan 52.9 peratus merupakan responden perempuan. Kebanyakan daripada mereka berumur kurang dari 30 tahun (41.6%), berbanding antara 31 hingga 40 tahun (39.5%), 41 hingga 50 tahun (13.4%) dan 51 hingga 60 tahun (4.2%). Hanya 1.3 peratus sahaja berumur lebih dari 60 tahun. Kesemua mereka terlibat secara langsung di dalam pengendalian urusan hal ehwal agama Islam negeri yang merangkumi pengurusan Baitulmal dan lain-lain aspek pentadbiran hal Ehwal Agama Islam. Melalui data yang dinyatakan kakitangan Baitulmal, Majlis Agama Islam adalah terdiri daripada golongan muda iaitu bawah daripada 30 tahun ke bawah. Data ini menggambarkan golongan tersebut boleh menerima pembaharuan sistem baru yang melibatkan prestasi organisasi. Penglibatan di semua peringkat umur merangkumi pelbagai lapisan umur iaitu (muda, pertengahan dan senior). Senario yang timbul ini menunjukkan kombinasi yang agak seimbang seperti ditunjukkan di jadual di atas.

Latar belakang berdasarkan pendidikan pula mendapati lebih separuh daripada mereka berpendidikan diploma dan ke atas (56.3%). Susunan mengikut nilai tertinggi menunjukkan responden terdiri dari golongan yang berkelulusan diploma/ universiti sehingga peringkat menara gading menguasai dalam pengurusan. Kelulusan ini menunjukkan kemampuan responden menguasai teknologi maklumat dan ilmu pengetahuan selain itu boleh dibawa berbincang.

Dari segi pengalaman bekerja pula, kebanyakan daripada mereka telah bekerja lebih dari lima tahun (48.7%) berbanding kurang dari satu tahun (16.0%), 1 hingga 2 tahun (16.8%) dan 3 hingga 4 (18.5%). Majoriti responden mempunyai pengalaman bekerja di Baitulmal melebihi 5 tahun. Tempoh lamanya mereka bekerja merupakan aspirasi supaya dapat berbincang mengenai hala tuju Baitulmal dalam meningkatkan prestasi. Sikap positif mereka menggambarkan sikap untuk kehadapan, tidak menolak sebarang usaha ke arah kebaikan malah memberi semangat untuk membantu dalam usaha plan tranformasi ekonomi dalam Negara.

Dari segi pendapatan bulanan, kurang daripada 10 peratus daripada responden berpendapatan kurang dari RM1,000 sebulan. Selebihnya iaitu 28.6 peratus mempunyai pendapatan bulanan antara RM1,001 hingga RM1,500, RM1,501 hingga RM2,000 (27.3%) dan 34.5 peratus berpendapatan bulanan lebih dari RM2,001. Mengikut responden, mereka dibayar dengan baik oleh majikan. Sudah tentu mempunyai potensi dapat menyumbang produktivi dalam persekitaran dan suasana bekerja yang baik.

5. KESIMPULAN

Kesimpulan dari data profil keseluruhan Baitulmal mendapati di taburan demografi menunjukkan golongan muda menguasai pengurusan Baitulmal. Golongan muda ini boleh dibimbing mengikut acuan sebenar Baitulmal dan memiliki kelayakan akademik. Ini menunjukkan prestasi Baitulmal boleh dipertingkatkan dengan di mulakan dengan latihan dan kemahiran modal insan iaitu pekerja dalam Baitulmal sendiri atau Majlis Agama Islam Negeri. Selain itu juga, sumber pendapatan dan perbelanjaan Baitulmal menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun. Penemuan tersebut dapat menyimpulkan bahawa terdapat pertambahan dan peningkatan pendapatan Baitulmal dari tahun ke tahun. Sepatutnya Baitulmal semakin berkembang bersama peredaran zaman seiring dengan kemajuan negara pada hari ini, tetapi telah diketepikan dan dikecilkan skopnya. Kajian ini juga melihat positif pandangan Salleh (2009) dengan menyatakan secara purata sekiranya setiap tahun Baitulmal seluruh negeri Malaysia mencatatkan pendapatan sebanyak RM 200 juta, maka apabila dikumpulkan aset tersebut akan bernilai sebanyak RM 2.8 Billion apabila digabung dari Baitulmal negeri-negeri seluruh Malaysia. Dengan jumlah ini, nilai aset yang besar boleh digembleng untuk memberi manfaat kepada masyarakat terutama sekali mereka yang terdiri daripada golongan miskin tegar (asnaf). Di samping itu, nilai tersebut juga, Baitulmal sebagai pemegang amanah boleh mengurus dan membabitkan diri dalam pelbagai bidang ekonomi termasuklah hartanah dan pelaburan. Penemuan ini amat signifikan memandangkan fungsi Baitulmal masa kini makin hari makin dilupakan dan tersisih daripada sistem pengurusan perdana. Hasil penemuan kajian ini, keperluan Baitulmal dalam negara memerlukan perhatian yang lebih berbanding institusi kewangan lain.

RUJUKAN

A. M. Mackeen. (1969). *Contemporary islami legal organization in Malaya*. New Haven Yale University Southeast Asia Studies. 40. 11.

Abang Mohd Shibli .(2009). *Peranan baitulmal dalam penggembengan dana masyarakat islam: pengalaman tabung baitulmal Sarawak*. Kertas Kerja di Konvensyen Baitulmal Kebangsaan, Kuala Lumpur.

Abd. al-Rahman Zaki Ibrahim. (1998). *Petunjuk amalan ekonomi islam* (Mujaini Tarimin, Pentj.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Abdil Hakam, Abu Muhammad 'Abdullah. (1927). *Siratu 'Umar ibn 'Abdil' Aziz*. Kaherah: T.P.
- Abdul Aziz Muhammad. (1993). *Zakat and rural development in Malaysia*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Abdul Monir yaacob. (2001). *Ke arah penubuhan baitulmal kebangsaan di Malaysia: isu-isu berkaitan perundangan*. Institut Kefahaman Islam Malaysia
- Abdul Kadir Ismail. (1984). *Baitulmal Islam*. Kertas Seminar Baitulmal Peringkat Kebangsaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Abdul Karim. (t.t). *Syiasah al-Malliyah fi Islam wasalahatha bil Muamalat al-Muasarah*. Dal al Makrifah, Beirut.
- Abdul Khalil Hj. Hashim. (1962). *Struktur fungsi dan fungsi pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah*. Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Abdul Monir Yaacob. (2001). *Ke arah penubuhan baitulmal kebangsaan di Malaysia: Isu-isu berkaitan perundangan*. Kertas kerja seminar ke arah pembangunan baitulmal Kebangsaan 26-27 Jun anjuran IKIM.
- Abdullah Alwi Hassan. (2003). *Konsep dan peranan Baitulmal Zaman Kegemilangan Islam*. Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Abdullah Alwi Hj Hasan. (1976). *Development of administration of Islamic law in Kelantan*. Tesis PhD, University of Edinburgh.
- Abdullah Alwi Hj Hasan. (2001). *Konsep dan peranan Bayt al-Mal di Zaman Kegemilangan Islam*. Kertas kerja seminar ke Arah Pembangunan Baitulmal Kebangsaan, 26-27 Jun Anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Abdullah Yusuf Ali. (1993). *Al-Quranu 'I-Karim*, Terjemahan dan Huraian Maksud, **Jilid 3**, (Juz 13-Juz 18). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu 'Ubayd, al-Qasim ibn Salam. (1969). *Kitab al-Amwal*. Kaherah: Maktab al-Kulliyah al-Azhariyah.
- Abu al-Hassan Ali B. Muhamad al-Mawardi. (1983). *Al-Ahkam al-Sultaniyah*. Kaherah.
- Abu al-Hasan al-Baladhuri. (1952). *Futuh al-Buldan*. Matba;ah al-Azhar, Kaherah

- Abu Ja'far Muhammad Jari al-Tabari. (1893). *Tarikh al-Rasul wa al-Muluk*. Laiden
- Abu Bakar Sarpon. (2005). *Prestasi pengurusan baitulmal dan zakat di Malaysia: Satu Perspektif Islam*. Tesis Phd, Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Utara Malaysia.
- Abi al-Fida' ismail Ibn Kathir alkhuraisyi al- Damsyiki. (1988). *Tafsir al-Quran al-adhim*. Kaherah: Dal hadis
- Afzal-Ur-Rahman. (1974). *Economic doctrines of Islam*. Lahore: Islamic Publication Ltd.
- Afzal-ur-Rahman. (1993). *Ensiklopedia sirah- sunnah, dakwah dan islam* (Zaharah Salleh, Pentj.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad 'Ali. (1953). *Al-Tanzimat al-Ijtimaiyah wa al-Iqtisadiyah fi al-Basrah*. Baghdad: T.P.
- Ahmad Hidayat Buang, "Pengurusan Zakat: Satu Analisis Dari Perspektif al-Quran dan Al-Sunnah", Jurnal Syariah, Jilid 8, Bil. 2, Julai 2000,
- Ahmad Ibrahim Abu Sin. (1991). *Pengurusan dalam Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Mahmud Himayah. (2003). *Kebangkitan Islam di Andalus*. Jakarta: Gema Insani.
- Ahmad Shabari Salamon. (1988). *Islamic concept of management*. Islamiyyat. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Shahbari. (1986). *islamic concept of management*. Islamiyat Jilid 7. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Shalabi. (1966). *Al-Tarikh al-Islami*. Kaherah: Matba'ah al-Nahdah al-Misriyah.
- Ahmad, H.Z.A. (1985, Disember). *Hidup dalam taqwa, takdir, rencana*. Majalah al-Muslimah.
- Al-Bukhari, Abu 'Abd Allah, Muhammad b. Ismail. (1962). *Sahih al-Bukhari*. Istanbul: al-Maktabah al-Islamiyyah.
- Al-Fanjari, M. Syauqi. (1988). *Ekonomi islam masa kini*. Kuala Lumpur: Penerbit Darulfikir.
- Al-Faqih, al-Hamadani. (1885). *Kitab al-Buldan*. M.J. Goeje, Leiden (Ed.)

- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. (1978). *Al-Mustasfa*. Baghdad: Maktabah al-Muhtana.
- Ali Muhammad Muhammad Al-Shallabi. (2011). *Amirul Mukminin Umar Abdul Aziz: Tokoh*
- Al-Mawardi. (1983). *Al-Ahkam Al-Sultaniyyah Dar Al-Shahabli Al-Tiba'ah*. Kaherah.
- Al-Nawawi, Mahyuddin Ibn Yahya Ibn Syaraf. (t.t). *Al-Majmu'*. Kaherah: Matba'ah al-Imam.
- Al-Qardawi, Yusuf. (1969). *Fiqh al Zakah*. Beirut: Dar al-Qalam.
- Anan C Mohd. (2009). Paradigma pengurusan baitulmal: Pengalaman majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (Maiwip, Proseding konvensyen Baitulmal kebangsaan Jawhar.
- Azizan Baharuddin. (1986). *Pengenalan Tamadun Islam di Andalus*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azman Che Omar. (2003). *Pengurusan di Malaysia Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Babbie, E. (1995). *The Practice of Social Research*. (7th). Belmont: Wardsworth Publishing Company.
- Babili, M. Muhammad. (1998). *Ekonomi dari Kaca Mata Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Islam Terengganu.
- Bailan, E. S. (1982). *How to Design, Analyze, and Write Doctural Research*. University Press
- Bassam Sulaiman Abughhosh and Wafa Zaki Shaqra. (1992). *A Glossary of Islamic Terminology*. London: Ta-Ha Publisher.
- Berita Harian* (2011, 7 Ogos). Ibu Tunggal dalam di lema.
- Che Rohani bt Hasan. (1995). *Potensi Pembangunan dan Pengurusan Harta Tanah Majlis Agama Islam Kelantan*. Kertas Projek, Fakulti Alam Bina, Universiti Teknologi Malaysia.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah penyelidikan*. Mc graw Hill Education
- Dennett, D.C. (1939). *Marwan ibn Muhammad: The Passing of the Umayyad Caliphate*. Tesis PhD. University of Harvard.

- Emory, C. W. Dan Cooper, D. R. (1991). *Business Research Methods*. (4th ed.). Homewood:
- Farid, Mohd. (1986). *Sistem Hisbah dalam Islam*. Kertas Kerja dalam Kursus Jangka Pendek Ekonomi Islam, Anjuran Universiti Islam Antarabangsa, Julai-Disember.
- Firdaus, A.N. (1977). *Kepimpinan Umar Abdul Aziz*. Jakarta: Penerbitan Publicita.
- Firdaus, K. H. (1997). *Khalifah Umar Bin Abdul Aziz*. Selangor: Pustaka Ilmi
- Goitein, S.D. (1968). *Studies in Islamic History and Institutions*. Leiden.
- Hailani Muji Tahir. (1982). *Baitulmal Institusi Kewangan Negara Islam dan Asas Belanjawan Negara*, Ar-rahmaniah. Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia.
- Hailani Muji Tahir. (1988). *Pengenalan Tamadun Islam dalam Institusi Kewangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Hailani Muji Tahir. (2003). *Ke arah Penubuhan Baitulmal Kebangsaan di Malaysia. Isu-isu Berkaitan Ekonomi*. Insitut Kefahaman Islam Malaysia.
- Hailani Muji Tahir. (2007). *Institusi Baitulmal Dalam Pembangunan Negara*, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hailani Muji Tahir. (2009). *Kedudukan Baitulmal Dalam Sistem Kewangan Negara*. Kertas Kerja di Konvensyen Baitulmal Kebangsaan, Kuala Lumpur.
- Hailani Muji Tahir. (2013). Temubual penyelidik dengan pakar akademik dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Kuala Lumpur
- Hair, J. F. Jr. Anderson, R. E, Tatham, R. L. dan Black, W. C. (1998). *Multivariate Data Analysis with Readings*. (5th ed.). New Jersey: Prentice-Hall, Inc.
- Hamdi Amin Abd. Hadi. (1970). *Al-Fikr al-Idari al-Islami wa al-Muqarin*. Kaherah: Dar al-Fikr al-Arabi.
- Hamidah Abdullah. (1988). *Pengurusan Baitulmal dan Peranannya ke Arah Pembinaan Masyarakat dalam Bahagian Baitulmal di Bawah Jabatan hal Ehwal Agama Islam Kedah*. Latihan ilmiah, Jabatan Antropologi Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya.
- Hamidullah, M. (1943). *The Muslim conduct of the state*. Calcutta.

- Hanke, J. E. dan Reitsch, A. G. (1994). *Understanding business statistics*. (2th ed.). Burr Ridge:
- Harold Krontz. (1984). *Management*. London: International Book Company.
- Hart Micheal H. (1993). *The 100 a Ranking of the Most influential Persons in History*. Kuala Lumpur: Golden Bools Centre.
- Harun Din. (1985). *Manusia dan Islam*, Polis Diraja Malaysia. Kuala Lumpur.
- Hasan Ibrahim Hasan, dan Ali Ibrahim Hasan. (1962). *Al-Nuzum al-Islamiyyah*. Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyah.
- Hendriks, K. B. & Singhal, V. R. (1997). *Does implementing an effective TQM program actually improve operating performance? Empirical evidence from firms that have won quality awards*, *Management Science*, 43 (9): 1258-1274.
- Hydzulkifli, H. Sumber Pembiayaan Pembangunan Harta Wakaf menggunakan Sukuk dan Potensinya di Malaysia. Tesis Phd Jabatan Syariah dan Ekonomi UM 2012
- Ibn Hisyam, Abu Muhammad ‘Abd al-Malik. (1975). *Al-Sirah al-Nabawiyyah*. Beirut: Dar al-Jil.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida’ al-Hafiz. (1966). *Al-Bidayah wa al-Nihayah*, Beirut: T.P.
- Ibnu Kathir. (1998). Terjemah singkat tafsir Ibnu kathir, jilid1, (H.Salim Bahreisy dan H Said Bahreisy, Pentj.) Victory Agency, Kuala Lumpur. (Karya asal diterbitkan tahun 1998).
- Ibn Khaldun (1995). *al- Muqaddimah*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad Ibn Mukarram. (1955). *Lisan al- ‘Arab*. Beirut: Dar al-Sadr.
- Ibn Qudamah, Muwaffiq al-Din Abu Muhammad ‘Abdullah bin Ahmad bin Muhammad. (1972). *al-Mughni*. Beirut: Dar al-Kitab al’Arabi.
- Ibn Sa’d, Muhammad. (1905). *At-Tabaqat al-Kabir*, (ed) Sachau, Leiden 1905.
- Ibn Taimiyah. (1979). *Al-Siyasah al-Syar’iyah fi Islah al-Ra’iyyah*. Dar al-Kutub.
- Ibn Taimiyah. (1982). *Public Duties in Islam: The Institution of the Hisba*. Leicester: The Islamic Foundation.

- Immamuddin S.M. (1965). *Some Aspects of the Social, Economic and Cultural History of Muslim Spain*. Leiden: E.J. Brill. *Inventory Management Journal*, 32 (2): 22-23.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2009). Kuala Lumpur: *Glosari Muamalat*. QA Printers Sdn. Bhd.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2010). *Himpunan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan: Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Mengenai Isu-Isu Sains dan Perubatan*. Selangor: Black and Brown Associates.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2010). *Himpunan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan: Berhubung Dengan Isu-Isu Muamalat*. Kuala Lumpur: QA Printers Sdn. Bhd.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2010). *Jurnal Muamalat*. Kuala Lumpur: Visual Print Sdn. Bhd.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2010). *Monograf Al-Ifta' (Siri 1)*. Selangor: Black And Brown Associates.
- Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji. (2009). *Manual Pengurusan Harta Syubhah*. Jabatan Perdana Menteri, Malaysia.
- Juraish Kamaruddin. (2009). *Pemeriksaan Entiti dan Sumber Perbendaharaan Baitulmal Melalui Dinamika Muamalat dan Undang-Undang Syariah*. Prosceding Konvensyen Baitulmal Kebangsaan, Kuala Lumpur.
- Saiful Azhar. (1986). *Pembangunan dari kaca mata Islam*. Kertas Kerja Kursus Jangka Pendek Ekonomi Universiti Islam Antarabangsa, Julai-Disember.
- Saiful Azhar Rosly. (2003). *Peranan Pembiayaan Baitulmal Dalam Pembangunan Ekonomi*. Insitut Kefahaman Islam Malaysia.
- Salleh. (2009, 7 Mac). Manfaat Tubuh Lembaga Baitulmal dan Zakat. *Utusan Malaysia*.
- Jurji Zaidan. (1902). *Tarikh al-Tamaddun al-Islami*. Kaherah:al-Matba'ah al-Hilal.
- Jurnal Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji. (2007). *Jurnal Pengurusan JWZH*, Jabatan Perdana Menteri, Malaysia. Vol. 1, No. 1. 2007.
- Jurnal Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji. (2008). *Jurnal Pengurusan Jawhar*, Jabatan Perdana Menteri, Malaysia. Vol. 2, No. 1. 2008.

- Jurnal Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji. (2008). *Manual Pengurusan Tanah Wakaf*, Jabatan Perdana Menteri, Malaysia.
- Jurnal Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji. (2009). *Jurnal Pengurusan Jawhar*, Jabatan Perdana Menteri, Malaysia. Vol. 3, No. 1. 2009.
- Jawhar. (2009). *Manual Pengurusan harta Syubahah*, Jabatan Wakaf dan Haji (Jawhar)
- Kadir, A. (2009). *Sistem pengurusan kualiti: Proses dan pelaksanaan di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kahf, Monzer. (1982). *Ekonomi Islam*. Kuala Lumpur: Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM).
- Kahf, Monzer. (1983). A Contribution to the Theory of Consumer Behaviour in an Islamic Society. Dalam Khurshid Ahmad (Ed.), *Studies in Islamic Economics*. Leicester: The Islamic Foundation.
- Kamil Md Idris. (2002). Gelagat kepatuhan Zakat gaji di kalangan kakitangan Awam. Tesis Ph.D (Tidak diterbitkan) Universiti Utara Malaysia, Sintok Kedah
- Khairul Anuar Rosli. (2004). *Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri Johor: Sumbangannya Dalam Meningkatkan Ekonomi Umat Islam*. Kertas Projek, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Khairul Anuar, M.A. (2002). *Hubungan Amalan Pengurusan Kualiti Cemerlang dengan Kepuasan Pelanggan Dalaman dan Prestasi Organisasi Pihak Berkuasa Tempatan di Semenanjung Malaysia*. Sekolah siswazah. (PhD). Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Latiffie Awang (1987), “*Bayt al-Mal Negeri Johor: Masalah-masalah dan cara-cara Mengatasinya*”. (Kertas Kerja Seminar Pembangunan Wakaf dan Bayt al-Mal Negeri Johor, anjuran Kerajaan Negeri Johor dan Institut Tadbiran Awam Negara 1408/1987).
- Louis Cheiko al-yasu’i (1923), *al-Nasraniyyah wa Adabuha bayna Arab al-Jahiliyyah*, II Beirut
- M. Husain Haikal (1963). *al-Faruq’ Umar*. Terjemahan Habib Ashiar, Lahore: Mary Library.
- Madinah Md. Junoh (2002), “*Pengurusan dan pelaksanaan Baitulmal Zaman ‘Umar al-Khattab*”, latihan ilmiah, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Bahagian Pengajian Usuludin Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

- Mahamad Arifin et al., (2007), *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahamad & Farihal. (2011). *Baitulmal Negara sebagai Perbendaharaan yang mampu membangunkan sosio-ekonomi umat islam malaysia bagi menyeimbangkan pelaksanaan konsep satu Malaysia*, Proseding of the Seit social economic & Information technology seminar Veitnam, Research and Innovation Management central UUM.
- Mahamad & Farihal. (2010). *Baitulmal Negara keperluan dan tuntutan kepada masyarakat Islam Malaysia* kertas kerja di bentangkan di persidangan mufti-mufti seluruh Malaysia, Kerajaan.
- Mahamad & Farihal. (2011). *Baitulmal Negara dan pembangunan sosio-ekonomi masyarakat Islam Malaysia satu tuntutan dan keperluan* kertas kerja di bentangkan di persidangan ketua Jabatan majlis Agama Islam Negeri seluruh Malaysia, Kerajaan Malaysia.
- Mahamad, Nor hayati & Farihal. (2012). *Membangunkan model baitulmal Moden berdasarkan Baitulmal Zaman Khalifah Umar Abdul Azizi: Analisa peranan Institusi dalam pembangunan ekonomi masyarakat Islam* Proseding seminar on research in Islamic Studies, Universiti Malaya.
- Mahamad, Nor hayati & Farihal. (2012). *Peranan utama dan bagaimana baitulmal patut berperanan dalam sistem ekonomi medon sekarang* Proseding IDMAC, Universiti Sains Malaysia.
- Mahamad & Mohd Farihal Osman. (2009). *Penubuhan Pusat Perbendaharaan Islam: Satu Keperluan Dalam Pembangunan Ekonomi Negara*. Kertas Kerja di Konvensyen Baitulmal Kebangsaan 2009, Kuala Lumpur.
- Mahamad & Farihal. (2013). *Baitulmal Negara sebagai Perbendaharaan yang mampu membangunkan sosio-ekonomi umat islam malaysia bagi menyeimbangkan pelaksanaan konsep satu Malaysia*, *Kajian Grant Frgs, Kementerian Pengajian Tinggi*
- Zainal Abidin Jaafar. (2003). *Pengendalian Baitulmal di Wilayah Persekutuan*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.